

18/09/1997

Menegakkan keadilan era multimedia

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin menyarankan pembentukan Forum Maya Negara-Negara Komanwel. Ini adalah idea baru yang hanya boleh dilaksanakan menerusi kemajuan teknologi maklumat (IT). Dr Mahathir sebenarnya mengajak negara berkenaan membebaskan diri daripada terus-menerus menjadi mangsa mereka yang berkuasa dan menguasai maklumat. Kitalah seharusnya menjadi penentu agenda untuk kepentingan negara dan wilayah sendiri. Mesej utama Dr Mahathir ialah menggalakkan negara Komanwel berlumba dan bersaing dalam era maklumat. Kita tidak boleh membiarkan negara maju menguasai segala-galanya. Sudah terlalu banyak contoh penindasan berlaku kepada negara yang serba kekurangan. Ketidakupayaan menguasai IT, menyebabkan sesebuah negara dimanipulasi tanpa mampu bertindak balas.

Kita yakin forum seperti itu boleh dilakukan dengan jayanya apabila semua negara anggota bersedia dengan prasarana projek IT masing-masing. Malaysia sudah melangkah ke arah penggunaan IT dengan lebih meluas menerusi pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC). Oleh itu, jika Malaysia diminta menerajui forum ini, kita percaya ia tidak menjadi halangan.

Kita percaya, hasrat Dr Mahathir ialah semua anggota Komanwel, termasuk negara yang kini masih miskin, melengkapkan diri dengan kemajuan teknologi bagi menghadapi era maklumat, untuk membolehkan mereka menyertai forum berkenaan. Ini bermakna, mulai sekarang mereka seharusnya memikirkan keperluan negara mereka dengan menyediakan segala kemudahannya. Forum ini pastinya berbeza daripada persidangan lain kerana ia boleh dilangsungkan melalui teknologi multimedia seperti videofon dan sidang video yang membolehkan mereka berhubung secara bersemuka. Ia mungkin bermula dengan pemimpin kerajaan dan diikuti forum peringkat pegawai, sektor swasta dan sebagainya.

Ini sejajar dengan matlamat penubuhan forum itu supaya ia diwakili semua negara secara adil dan penyertaan penuh demokratik. Walaupun idea ini belum diperincikan, Dr Mahathir berkata ia akan dapat menghalang wujudnya jurang antara mereka yang berkuasa, berharta dan berpengaruh dalam era maklumat masa kini. Kita percaya apa yang cuba dijelaskan oleh Dr Mahathir ialah hingga hari ini ternyata masih wujud ketidakadilan pengaliran maklumat ke negara tertentu. Disebabkan maklumat kini diterima sebagai kuasa, tentulah tidak adil jika kuasa ini tidak dinikmati negara yang masih mundur.

Apalah ertinya kita bercakap mengenai perkampungan sejagat atau dunia tanpa sempadan sedangkan falsafah ini hanya dimonopoli negara tertentu saja. Hari ini kita perlu menerima hakikat yang kuasa ditentukan oleh penguasaan maklumat. Maklumat sebahagiannya diberi, diagih dan disebarikan bergantung kepada kemampuan pihak tertentu memiliki dan menggunakan maklumat.

Oleh itu, golongan yang sering menggunakan maklumat, dengan rangka kuasa dan rangkaian salurannya, menjadi ancaman bukan saja kepada hak dan kepentingan individu tetapi juga bangsa, negara dan kemanusiaan itu sendiri, jika kita tidak sama-sama meningkatkan penggunaannya. Hari ini kuasa adalah elemen yang berkaitan antara kemewahan dan keinginan untuk mempengaruhi sama ada secara rasional dan bukan rasional, secara moral atau bukan. Kuasa adalah keupayaan memenangi dan mengatasi halangan atau cabaran dalam konflik yang wujud.

Dengan kuasa maklumat, sesebuah negara yang berkuasa mampu mencorakkan negara yang ingin dijadikan bahan kecamannya sebagai negara yang penuh dengan jenayah, rasuah, pusat pelacuran dan sebagainya. Dengan maklumat juga, ia boleh merosakkan ekonomi sesebuah negara. Maklumat boleh digunakan untuk menjadi pendorong kepada masyarakat sesebuah negara melakukan sesuatu.

Kita mengakui dalam era maklumat, dunia semakin kecil. Jika dulu kita menyatakan ledakan maklumat ini mempunyai kesan baik dan buruknya, hari ini kita boleh menyatakan keburukannya akan hanya menimpa negara yang tidak bersedia melengkapkan diri dengan cabaran baru itu. Mereka akan menjadi negara bahan ratahan. Bagi negara yang mengikut rentak aliran kemajuan IT, mereka masih ada harapan untuk menangkis serangan.

Cadangan Dr Mahathir ini tidak boleh dianggap satu idea biasa kerana matlamat di sebaliknya begitu besar. Ia akan menentukan satu rangka kerja baru demi menegakkan keadilan selaras dengan sistem pasaran ekonomi digital hari ini.

(END)